

# Persepsi Pelajar Terhadap Kredibiliti Pensyarah Pendidikan Islam: Satu Kajian

*Che Haslina Abdullah*

*Zulkefli Mohamad*

*Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam  
Universiti Teknologi MARA (UiTM), Malaysia  
Emel: haslina062@ppinang.uitm.edu.my  
zuluitm@yahoo.co.uk*

*Siti Khalijah Majid*

*Fakulti Pengurusan dan Teknologi Pejabat  
Universiti Teknologi MARA (UiTM), Malaysia  
Emel: stxjah@pahang.uitm.edu.my*

*Saharani Abdul Rashid*

*Fakulti Sains Komputer dan Matematik  
Universiti Teknologi MARA (UiTM), Malaysia  
Emel: saharani@pahang.uitm.edu.my*

## ABSTRAK

*Pensyarah merupakan elemen penting dalam menjayakan inspirasi sesebuah institusi pengajian tinggi untuk mencapai misi dan visi dengan menumpukan peranannya sebagai penyumbang (input provider) sumber keilmuan serta menjadi model contoh yang terbaik. Sama ada disedari atau tidak, persepsi pelajar di dalam menilai kredibiliti pensyarahnya memberikan impak yang serius terhadap penerimaan mereka kepada "gurunya". Kriteria ini menjadi begitu penting sehingga ia boleh mempengaruhi proses pembelajaran dan pengajaran di institusi pengajian tinggi. Fokus utama kajian ini adalah untuk mengetahui sejauh mana pelajar menilai kredibiliti pensyarah Pendidikan Islam sebagai seorang pendidik yang berperanan membimbing dan membentuk anak didiknya menjadi insan berguna di dunia dan di akhirat.*

---

ISSN 1675-7939

© 2009 Universiti Teknologi MARA, Pulau Pinang and Universiti Teknologi MARA (UiTM), Malaysia.

*Sebanyak 201 set soal selidik telah diedarkan kepada responden yang terdiri daripada pelajar UiTM Kampus Jengka. Soalan-soalan yang dikemukakan merangkumi empat dimensi utama iaitu kompetensi, dinamisme, kepercayaan dan perlakuan semasa pensyarah. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa peratusan yang tinggi menyokong bahawa pensyarah Pendidikan Islam mempunyai kredibiliti yang tinggi.*

**Kata kunci:** *persepsi pelajar, kredibiliti pensyarah, Pendidikan Islam, pengajaran, pembelajaran*